

# KPT perkenal sistem 'single window and single offer' untuk matrikulasi, asasi, Tingkatan 6

Oleh Berita Harian - Februari 25, 2026 @ 11:47am



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir. - Foto NSTP/Faiz Anuar

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bakal memperkenalkan sistem baharu 'single window and single offer' bagi menyelaraskan permohonan kemasukan ke program matrikulasi, asasi dan Tingkatan Enam. Menteri Pendidikan Tinggi, Zambry Abdul Kadir, berkata pendekatan itu akan menggabungkan semua platform sedia ada kepada satu sistem berpusat, sekali gus memastikan setiap pemohon menerima satu tawaran terbaik berdasarkan meritokrasi dan keputusan PNGK. Langkah ini dijangka menamatkan kekeliruan berhubung pelbagai kaedah penilaian, di samping mengekalkan standard penggredan sedia ada yang dipantau badan berkaitan termasuk Majlis Peperiksaan Malaysia dan lembaga akademik program terlibat.

Dalam masa sama, KPT menjangkakan pengoperasian penuh pengambilan matrikulasi di bawah kementerian itu bermula 2027 menerusi dua fasa utama iaitu perancangan serta pelaksanaan. Proses ini membabitkan pindaan beberapa peruntukan undang-undang termasuk Akta Pendidikan 1996 dan Akta Majlis Peperiksaan 1980, selain penelitian skim perkhidmatan tenaga pengajar yang dipindahkan daripada Kementerian Pendidikan. Penyelarasan tadbir urus ini diyakini mampu mengurangkan pertindihan fungsi antara kementerian, mengoptimumkan sumber dan memperkukuh laluan kemasukan ke universiti awam secara lebih telus, adil dan berdaya saing.